



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 4 TAHUN 2009

PENGENAAN CAJ PERKHIDMATAN (SERVICE CHARGE) KE ATAS PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN SALINAN DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pengenaan caj perkhidmatan ke atas peminjam/penerima biaya yang memohon untuk mendapatkan salinan dokumen perjanjian pinjaman/pembiayaan pendidikan PTPTN.

LATARBELAKANG

2. Setiap peminjam/penerima biaya yang diluluskan pinjaman/pembiayaan PTPTN akan diberikan satu set dokumen perjanjian pinjaman/pembiayaan pendidikan untuk simpanan dan rujukan. Walau bagaimanapun, terdapat permohonan daripada peminjam/penerima biaya kepada PTPTN untuk mendapatkan salinan dokumen tersebut bagi tujuan simpanan atau pengeluaran wang KWSP atas alasan salinan asal dokumen tersebut yang terdahulu diberikan oleh PTPTN telah hilang ataupun tidak dapat dijumpai.

PELAKSANAAN

3. Permohonan untuk mendapatkan salinan dokumen tersebut akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak RM90.00. Caj perkhidmatan ini dikenakan dengan mengambil kira kos yang perlu ditanggung oleh PTPTN dalam menyediakan salinan dokumen tersebut.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Disember 2009**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(YUNUS BIN ABD GHANI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

19 November 2009